



SURAT KHABAR	:	UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS)			
TARIKH	:	20/7/2018	MUKA SURAT	:	18
JABATAN	:	PERHUTANAN			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			



Mengiktiraf konservasi bakau

PERSIDANGAN Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan (UNESCO) ke-38 pada 6 November 2015 di Paris (Perancis) telah mengisytiharkan 26 Julai sebagai Hari Konservasi Ekosistem Hutan Paya Laut Antarabangsa.

Hutan bakau adalah suatu yang unik, istimewa dan ekosistem yang terancam terdedah kepada penebangan kawasan hutan, tebus guna tanah dan mudah terjejas kualiti habitatnya. Menurut UNESCO, perkhidmatan ekosistem yang boleh diberikan oleh hutan bakau ialah menyediakan biomas, hasil hutan dan kelestarian sumber perikanan.

Hutan bakau juga melindungi pantai daripada hakisan yang melampau, ombak kuat seperti tsunami, melindungi kesan perubahan iklim dan kejadian cuaca melampau.

Oleh kerana sifat dan peranan hutan bakau memerangkap dan menapis bahan-bahan dari laut dan darat seperti sedimen permukaan akibat hakisan darat dan laut serta sisa pepejal seperti plastik, maka pengurusan kawasan hutan bakau menjadi lebih penting.

UNESCO melancarkan pelbagai program bagi melindungi ekosistem bakau seperti program manusia dan biosfera, program hidrologi antarabangsa, kerjasama antara kerajaan, program sistem pengetahuan tempatan dan penduduk asli yang dilaksanakan di seluruh dunia dari Mexico ke Brazil,

Nigeria ke Bangladesh, dan Malaysia ke Australia.

Sebagai menyambut usaha UNESCO menerusi pelbagai program untuk pemuliharaan, perlindungan, pemulihan dan kelestarian penggunaan ekosistem pantai dan bakau, Malaysia juga tidak ketinggalan melaksanakan usaha berkenaan.

Di Malaysia agensi kerajaan, pihak pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan institusi pendidikan ada menjalankan aktiviti pendidikan dan penyelidikan ke arah kesedaran rakyat dan pemuliharaan hutan bakau secara berterusan. Misalnya pusat pendidikan bakau di Matang, Perak yang diuruskan oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), Taman Alam Kuala Selangor dan Ecocare di Kertih yang diuruskan oleh Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS) dan beberapa lagi

pusat yang diuruskan oleh NGO tempatan.

Hutan bakau Matang, Perak yang diwartakan sebagai Hutan Simpan Kekal (HSK) sejak 1906 kaya dengan kepelbagaian spesies flora dan fauna memang sudah diiktiraf oleh UNESCO sebagai salah satu hutan bakau yang terbaik dari pengurusannya di dunia dan menjadi tumpuan pelancong antarabangsa.

Namun begitu beberapa tempat sensitif hutan bakau seperti Kuala Gula di Perak yang diiktiraf sebagai santuari burung laut, Tapak Ramsar di Tanjung Piai, Johor dan Langkawi Geopark perlu diberikan perhatian segera.

Semua kawasan hutan bakau di Malaysia mesti dikenal pasti kepentingannya dan mempunyai maklumat lengkap melalui kajian berterusan di lokasi berkenaan melibatkan pakar, aktivis dan penduduk tempatan.

